

Penyertaan Bola Sepak UMS terhadap untuk 32 pasukan

UB 21.10.2017 A14

KOTA KINABALU: Pasukan yang ingin menyertai Kejohanan Bola Sepak Sembilan Sebelah anjuran Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada 18-19 November diminta mengesahkan penyertaan awal.

Pengarah Pusat Sukan UMS, Mohd Asyraaf Fong Abdullah (*gambar*) ketika ditemui di sini pada Jumaat berkata, penyertaan adalah terbuka kepada mana-mana pasukan negeri ini tetapi hanya dihadkan kepada 32 pasukan sahaja.

“Penyertaan diterima berdasarkan siapa cepat dia dapat. Tiga puluh tiga pasukan telah mengambil borang dan tujuh telah mengesahkan penyertaan.

“Tarikh tutup penyertaan adalah pada 16 November manakala mesyuarat pengurus pasukan pada 17 November. Bagaimanapun pasukan diminta mengesahkan penyertaan lebih awal bagi memudahkan urusan pengelolaan kejohanan,” katanya.

Kejohanan itu adalah salah satu pengisian sempena dengan Konvokesyen UMS tahun ini (2017).

“Terdapat juga Pesta Tamu Gadang Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMS dengan pelbagai aktiviti, pameran dan gerai jualan,” kata Asyraaf.

Kejohanan itu akan menggunakan format pertandingan ‘Winner Pool’ (Kumpulan Menang) dan ‘Loser Pool’



(Kumpulan Kalah).

Asyraaf berkata, pertandingan akan dijalankan di padang biasa dan padang rumput tiruan bagi memberi

peluang kepada pasukan dan orang ramai melihat sendiri kemudahan sukan yang ada di UMS.

Kejohanan itu menawarkan hadiah lumayan termasuk wang tunai keseluruhan kira-kira RM10,000 di samping piala dan medal.

“Sehubungan dengan itu saya mengalu-alukan penyertaan pasukan pada kejohanan ini. Yuran penyertaan hanya RM280,” katanya.

Untuk keterangan lanjut dan urusan penyertaan kejohanan, diminta menghubungi Syairah Asilah (017-3361901), Ramlan Rashid (014-8926342) atau Azman Soaibah (016-8207479).

-Oleh VITALIS G BINGKASAN